

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEEMPAT
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
26 NOVEMBER 2021**

PERKARA : 4(A)67

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN BAGAN DALAM
YB. SATEES A/L MUNIANDY**

67. Pulau Pinang sering menjadi mangsa fitnah dan toh�ahan, kononnya pembangunan negeri meminggaikan masyarakat Melayu.
- (a) Sila jelaskan program dan projek yang dijalankan di Negeri Pulau Pinang sejak tahun 2008 untuk kemajuan masyarakat Melayu - Islam di Pulau Pinang?
- (b) Sila berikan perbandingan statistik ekonomi masyarakat Melayu Pulau Pinang dibandingkan negeri lain.

**YB. DATO' IR. HAJI AHMAD ZAKIYUDDIN BIN ABD. RAHMAN
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

67. (a) Kerajaan Negeri Pulau Pinang sebagai sebuah negeri berkebajikan tidak pernah meminggaikan mana-mana kaum daripada arus pembangunan negeri, termasuk masyarakat Melayu. Kerajaan Negeri telah menyediakan peruntukan pembangunan di bawah butiran P13 - Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Pulau Pinang yang merangkumi pembaikan masjid dan surau serta Sekolah

Agama Rakyat. Selain itu, Kerajaan Negeri juga telah menyediakan Bantuan Pendidikan yang disalurkan ke Sekolah Agama Rakyat mengikut perincian seperti berikut:

TAHUN	PERUNTUKAN (RM)
	(Sekolah Agama Rakyat)
2009	1.5 juta
2010	1.75 juta
2011	1.75 juta
2012	1.75 juta
2013	1.75 juta
2014	1.75 juta
2015	1.75juta
2016	1.75 juta
2017	1.75juta
2018	1.75 juta
2019	2.49 juta
2020	2.99 juta
2021	3.002 juta
JUMLAH	25.73 JUTA

Sebagai tambahan, Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui Yayasan Islam Pulau Pinang (YIPP) dan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIP) juga telah melaksanakan beberapa program berimpak tinggi untuk kemajuan masyarakat Melayu Islam Pulau Pinang

iaitu seperti di **LAMPIRAN A** yang akan diletakkan di atas meja Yang Berhormat selepas selesai sesi soalan lisan.

Kerajaan Negeri melalui Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) turut menyiapkan beberapa projek bagi manfaat masyarakat Melayu Islam Pulau Pinang antara tahun 2018 sehingga November 2021 seperti berikut:

- (i) Membina 76 unit rumah teres 2 tingkat dan 1 blok bangunan kedai 3 tingkat di Taman Wakaf Seetee Aisah Fasa 1, Seberang Jaya, Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang;
- (ii) Membina 68 unit Pangsapuri Wakaf Muhammed Hashim Seberang Jaya, Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang;
- (iii) Mendirikan Maahad Al-Mashoor Al-Islami, Jalan Sungai Nipah, Mukim G, 11000 Balik Pulau, Pulau Pinang;
- (iv) Membina 77 unit Pangsapuri Wakaf Siti dan Hajjah Norijah di atas Lot 1093 dan 1094, Mukim 12, Daerah Barat Daya, Pulau Pinang; dan

- (v) Membina Pangsapuri Wakaf An-Nur, Teluk Air Tawar di atas Lot 6247 dan 6249, Mukim 7, Seberang Perai Utara, Pulau Pinang.
- (b) Kerajaan Negeri Pulau Pinang sentiasa komited dalam memajukan dan meningkatkan ekonomi dan taraf hidup rakyatnya tanpa mengira latar belakang termasuk masyarakat Melayu. Perbandingan statistik ekonomi masyarakat Melayu Pulau Pinang dengan negeri-negeri lain dilihat amat sesuai bagi meneliti dan membandingkan keadaan ekonomi dan taraf hidup masyarakat Melayu di negeri ini berbanding negeri-negeri lain, seterusnya dapat menolak segala fitnah, tohmahan dan dakwaan tidak berasas terhadap Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Namun begitu, tiada data khusus mengenainya mengikut pecahan kaum bagi setiap negeri di Malaysia. Setakat ini, data yang diperoleh adalah melalui Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah (HIS) yang dijalankan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia. Penyiasatan ini dilaksanakan buat pertama kalinya pada tahun 1973 dan seterusnya dijalankan pada kekerapan dua (2) kali setiap

lima (5) tahun, iaitu dua (2) penyiasatan dalam setiap tempoh Rancangan Pembangunan Malaysia.

Objektif utama HIS adalah untuk mengukur kesejahteraan ekonomi penduduk, mengumpul maklumat mengenai pola taburan pendapatan isi rumah mengikut pelbagai ciri sosioekonomi dan menyediakan data asas bagi pengiraan Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK).

Statistik pendapatan dan kemiskinan isi rumah digunakan bagi penggubalan dasar dan pelan pembangunan terutamanya untuk strategi serta program pembasmian kemiskinan dan agihan pendapatan. Statistik yang disediakan dirujuk daripada Penyiasatan Selepas Banci, Banci Pertanian, Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah dan kompilasi statistik.

Berdasarkan data Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri, juga tiada sebarang perbandingan statistik ekonomi masyarakat Melayu Pulau Pinang dengan negeri-negeri lain. Perbandingan hanya dibuat

mengikut pecahan etnik bagi keseluruhan penduduk Malaysia dan perbandingan mengikut pecahan negeri, dari tahun 1970 sehingga 2019 (tahun terkini). Berdasarkan pola dan perbandingan statistik “pendapatan isi rumah kasar bulanan purata” di **Lampiran B** dan “insiden kemiskinan mutlak” di **Lampiran C**, sehingga tahun 2019 data statistik menunjukkan bahawa jumlah pendapatan isi rumah kasar bulanan bagi Negeri Pulau Pinang adalah sebanyak RM7,774.00 iaitu mendahului negeri-negeri lain kecuali Selangor, Johor dan Wilayah Persekutuan. Memandangkan data statistik tersebut adalah mengikut pecahan negeri sahaja, dapat disimpulkan bahawa rakyat Pulau Pinang termasuk masyarakat Melayu mempunyai taraf ekonomi dan kehidupan yang lebih baik berbanding di negeri-negeri lain kecuali Selangor, Johor dan Wilayah Persekutuan. Ini menunjukkan bahawa Kerajaan Negeri sentiasa komited membela nasib seluruh rakyatnya tanpa mengira latar belakang etnik termasuk masyarakat Melayu.

Justeru, dakwaan sesetengah pihak bahawa Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah meminggirkan masyarakat

Melayu daripada arus pembangunan di negeri ini adalah fitnah dan tohmahan semata-mata.

**SENARAI PROGRAM BERIMPAK TINGGI DI BAWAH PERUNTUKAN KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG BAGI
MASYARAKAT MELAYU ISLAM PULAU PINANG**

BIL.	PELAKSANA	TAHUN	TAJUK PROGRAM	KOS PROGRAM (RM)	KETERANGAN
1.	Yayasan Islam Pulau Pinang (YIPP)	2019	Program Pulau Pinang Mengajar	300,000.00	<p>Program ini adalah untuk membantu anak-anak kurang bernasib baik untuk mencapai kecemerlangan akademik dan sahsiah di Kawasan Projek Perumahan Rakyat (PPR) dan luar bandar daripada keluarga B40.</p> <p>Program ini digerakkan oleh sukarelawan anak muda yang prihatin dengan penumpuan kepada pelajar berusia antara 8 hingga 12 tahun.</p> <p>Program ini dijalankan setiap hujung minggu pada pukul 10.00 pagi hingga 12.00 tengah hari.</p>
2.	Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP)	2020 - 2021	Program Jelajah Khaira Ummah	180,000.00	<p>Program ini dilaksanakan sebagai platform untuk memperkasakan masyarakat melalui institusi masjid. 12 buah masjid telah dikenal pasti untuk pelaksanaan di mana program di empat (4) buah masjid telah dilaksanakan. Lapan (8) lagi program akan dilaksanakan pada tahun 2021.</p> <p>Majlis Perasmian Gagasan Khaira Ummah Peringkat Negeri Pulau Pinang telah diadakan pada 19 Ogos 2020 di Masjid Al-Bukhari sempena Majlis Sambutan Maal Hijrah Peringkat Negeri Pulau Pinang.</p>
JUMLAH PERUNTUKAN				480,000.00	

LAMPIRAN B

PENDAPATAN ISI RUMAH KASAR BULANAN PURATA MENGIKUT KUMPULAN ETNIK, STRATA DAN NEGERI, MALAYSIA, 1970 – 2019

	(RM)																			
	1970 ^a	1974 ^a	1976	1979	1984	1987	1989 ^b	1992	1995	1997	1999	2002	2004	2007	2009	2012	2014	2016	2019	
Malaysia	264	362	505	678	1,098	1,083	1,169	1,566	2,020	2,606	2,472	3,011	3,249	3,686	4,025	5,000	6,141	6,958	7,901	
Kumpulan etnik/ Ethnic group																				
Bumiputera	172	242	345	492	844	868	941	1,268	1,604	2,038	1,994	2,376	2,711	3,156	3,624	4,457	5,548	6,267	7,093	
Cina/Chinese	394	534	787	1,002	1,552	1,488	1,629	2,192	2,890	3,738	3,456	4,279	4,437	4,853	5,011	6,366	7,666	8,750	9,995	
India/Indians	304	408	538	756	1,107	1,105	1,207	1,604	2,140	2,896	2,702	3,044	3,456	3,799	3,999	5,233	6,246	7,150	8,216	
Lain-lain/Others	813	1,299	1,268	1,475	2,957	2,992	952	1,163	1,284	1,680	1,371	2,165	2,312	3,561	3,640	3,843	6,011	4,951	5,933	
Strata																				
Bandar/Urban	428	579	843	1,045	1,573	1,488	1,606	2,032	2,589	3,357	3,103	3,652	3,956	4,356	4,705	5,742	6,833	7,671	8,635	
Luarbandar/Rural	200	269	385	523	842	881	957	1,024	1,326	1,704	1,718	1,729	1,875	2,283	2,545	3,080	3,831	4,359	5,004	
Negeri/State																				
Johor	237	382	513	731	1,065	1,060	1,150	1,713	2,138	2,772	2,646	2,963	3,076	3,457	3,835	4,658	6,207	6,928	8,013	
Kedah	189	256	306	382	690	718	749	1,048	1,295	1,590	1,612	1,966	2,126	2,408	2,667	3,425	4,478	4,971	5,522	
Kelantan	151	231	269	341	625	667	712	907	1,091	1,249	1,314	1,674	1,829	2,143	2,536	3,168	3,715	4,214	4,874	
Melaka	265	410	568	772	1,040	1,034	1,084	1,459	1,843	2,276	2,260	2,650	2,791	3,421	4,184	4,759	6,046	6,849	7,741	
Negeri Sembilan	286	386	505	629	1,039	908	1,083	1,380	1,767	2,378	2,335	2,739	2,886	3,336	3,540	4,576	5,271	5,887	6,707	
Pahang	286	305	477	702	960	900	961	1,262	1,436	1,632	1,482	1,991	2,410	2,995	3,279	3,745	4,343	5,012	5,667	
Pulau Pinang	162	171	589	840	1,181	1,130	1,326	1,821	2,225	3,130	1,178	1,496	1,571	4,004	4,407	5,055	5,993	6,771	7,774	
Perak	374	306	436	559	883	862	951	1,274	1,436	1,940	1,743	2,152	2,207	2,545	3,009	3,748	4,360	5,045	5,645	
Perlis	140	206	338	316	692	711	817	1,040	1,158	1,507	1,431	2,006	2,046	2,541	2,617	3,538	4,445	4,998	5,476	
Selangor	421	598	735	1,067	1,590	1,558	1,658	2,280	3,162	4,006	3,702	4,406	5,175	5,580	5,962	7,023	8,252	9,463	10,827	
Terengganu	173	206	339	360	756	694	759	939	1,117	1,497	1,599	1,837	1,984	2,463	3,017	3,967	4,816	5,776	6,815	
Sabah	n.a	n.a	513	767	1,212	1,116	1,264	1,490	1,647	2,057	1,905	2,406	2,487	2,837	3,102	4,013	4,829	5,354	5,745	
Sarawak	n.a	n.a	426	582	1,033	1,141	1,190	1,480	1,886	2,242	2,276	2,515	2,725	3,349	3,581	4,293	4,934	5,387	5,959	
W.P. Kuala Lumpur	n.a	n.a	1,058	n.a	1,920	1,790	1,824	2,429	3,371	4,768	4,105	4,930	5,011	5,322	5,488	8,586	10,629	11,692	13,257	
W.P. Labuan	n.a	n.a	n.a	n.a	n.a	n.a	n.a	n.a	n.a	n.a	n.a	n.a	n.a	n.a	3,726	4,407	6,317	7,591	8,174	8,319
W.P. Putrajaya	n.a	n.a	n.a	n.a	n.a	n.a	n.a	n.a	n.a	n.a	n.a	n.a	n.a	5,294	6,747	8,101	10,401	11,555	12,940	

Nota/Note:

* Merujuk kepada Semenanjung Malaysia sahaja/ Refers to Peninsular Malaysia only.

^b Mulai tahun 1989, data adalah berdasarkan kepada warganegara Malaysia.

Starting 1989, data is based on Malaysian citizens.

n.a Tidak berkemampuan/Tidak diperoleh

Not applicable/ Not available

Sumber/Source:

Survei Pendapatan Ibu Rumah Tangga/Household Income Survey

**INSIDEN KEMISKINAN MUTLAK MENGIKUT KUMPULAN ETNIK, STRATA DAN NEGERI, MALAYSIA,
1970 – 2019**

	(%)																		
	1970 ^a	1976	1979	1984	1987	1989 ^b	1992	1995	1997	1999	2002	2004	2007	2009	2012	2014	2016 ^c	2019	
Malaysia	49.3	37.7	37.4	20.7	19.4	16.5	12.4	8.7	6.1	7.5	5.1	5.7	3.6	3.8	1.7	0.6	7.6	5.6	
Kumpulan etnik/ Ethnic group																			
Bumiputera	64.8	46.4	49.2	28.7	26.6	23.0	17.5	12.2	9.0	10.2	7.3	8.3	5.3	5.3	2.2	0.8	9.7	7.2	
Cina/Chinese	26.0	17.4	16.5	7.8	7.0	5.4	3.2	2.1	1.1	2.6	1.5	0.6	0.6	0.6	0.3	0.1	2.2	1.4	
India/Indians	39.2	27.3	19.8	10.1	9.6	7.6	4.5	2.6	1.3	1.9	1.9	2.9	2.6	2.5	1.8	0.6	5.5	4.8	
Lain-lain/Others	44.8	33.8	28.9	18.8	20.3	22.8	21.7	22.5	13.0	21.7	14.3	6.9	10.1	6.7	1.5	0.9	20.5	13.5	
Strata																			
Bandar/Urban	21.3	15.4	17.5	8.5	8.5	7.1	4.7	3.6	2.1	3.4	2.0	2.5	1.9	1.7	1.0	0.3	4.8	3.8	
Luar bandar/Rural	58.7	45.7	45.8	27.3	24.8	21.1	21.2	14.9	10.9	12.4	11.4	11.9	7.1	8.4	3.4	1.6	17.5	12.4	
Negeri/State																			
Johor	45.7	29.0	18.2	12.2	11.1	10.1	5.6	3.1	1.6	2.5	1.8	2.0	1.5	1.3	0.9	0.0	6.2	3.9	
Kedah	63.2	61.0	53.8	36.6	31.3	30.0	21.2	12.2	11.5	13.5	10.7	7.0	3.1	5.3	1.7	0.3	14.3	8.8	
Kelantan	76.1	67.1	55.0	39.2	31.6	29.9	29.5	22.9	19.5	18.7	12.4	10.6	7.2	4.8	2.7	0.9	19.5	12.4	
Melaka	44.9	32.4	20.4	15.8	11.7	12.4	8.5	5.3	3.6	5.7	2.7	1.8	1.8	0.5	0.1	0.1	2.6	3.9	
Negeri Sembilan	44.8	33.0	26.3	13.0	21.5	9.5	8.1	4.9	4.5	2.5	2.2	1.4	1.3	0.7	0.5	0.4	6.4	4.3	
Pahang	43.2	38.9	26.9	15.7	12.3	10.2	6.9	6.8	4.1	5.5	3.8	4.0	1.7	2.1	1.3	0.7	9.2	4.3	
Pulau Pinang	43.7	32.4	19.7	13.4	12.9	8.9	4.0	4.0	1.6	2.7	1.4	0.3	1.4	1.2	0.6	0.3	2.2	1.9	
Perak	48.6	43.0	30.5	20.3	19.9	19.3	10.2	9.1	4.5	9.5	7.9	4.9	3.4	3.5	1.5	0.7	8.2	7.3	
Perlis	73.9	59.8	63.1	33.7	29.1	17.2	19.8	11.8	10.6	13.3	10.1	6.3	6.8	6.0	1.9	0.2	7.2	3.9	
Selangor	29.2	22.9	14.5	8.6	8.9	7.8	4.3	2.2	1.3	2.0	1.1	1.0	0.7	0.7	0.4	0.2	0.8	1.2	
Terengganu	68.9	60.3	53.1	28.9	36.1	31.2	25.6	23.4	17.3	14.9	10.7	15.4	6.4	4.0	1.7	0.6	6.8	6.1	
Sabah	n.a	58.3	40.7	33.1	35.3	29.7	27.8	22.6	22.1	20.1	16.0	24.2	16.4	19.7	8.1	4.0	23.9	19.5	
Sarawak	n.a	56.5	47.8	31.9	24.7	21.0	19.2	10.0	7.5	6.7	5.8	7.5	4.2	5.3	2.4	0.9	11.9	9.0	
W.P. Kuala Lumpur	n.a	n.a	n.a	4.9	5.2	3.8	1.7	0.5	0.1	2.3	0.5	1.5	1.5	0.7	0.8	0.1	0.8	0.2	
W.P. Labuan	n.a	n.a	n.a	n.a	n.a	n.a	n.a	n.a	n.a	n.a	n.a	2.7	4.2	4.3	1.1	1.1	6.8	3.1	
W.P. Putrajaya	n.a	n.a	n.a	n.a	n.a	n.a	n.a	n.a	n.a	n.a	n.a	0.0	0.0	0.0	0.0	0.0	0.0	0.4	

Nota/Note:

^a Merujuk kepada Semenanjung Malaysia sahaja
 Refers to Peninsular Malaysia only

^b Mulai tahun 1989, data adalah berdasarkan kepada warganegara Malaysia
 Starting 1989, data is based on Malaysian citizens

^c Mulai tahun 2016 dan seterusnya, pengiraan kemiskinan adalah berdasarkan metodologi PGK 2019
 Starting 2016 onwards, calculation of poverty is based on PLI 2019 Methodology

n.a Tidak berkenaan/ Tidak diperoleh

Not applicable/ Not available

0.0 Kurang daripada setengah unit berkecil yang ditunjukkan. Sebagai contoh, kurang daripada 0.05 peratus

Less than half the smallest unit shown. For example, less than 0.05 per cent

Sumber/Source:
 Survey Pendapatan Ibu Rumah
 Household Income Survey